

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH MAKALAH BERSITASI TERTINGGI

1.0 NAMA ANUGERAH

Anugerah Makalah Bersitasi Tertinggi

2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah Makalah Bersitasi Tertinggi mula diperkenalkan pada tahun 2017 atas inisiatif dan idea daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan & Inovasi), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail. Anugerah ini adalah diinspirasikan daripada Malaysia's Rising Star Award anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi

3.0 KATEGORI ANUGERAH

Enam penerima dengan jumlah *citation paper* tertinggi dalam UTM; tiga orang daripada bidang Sains dan Teknologi dan tiga orang daripada bidang Sains Sosial

4.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Semua Fakulti/Sekolah dan Centre of Excellence (COE) adalah tercalon secara automatik dan data akan dicerap daripada Scopus

5.0 KAEADAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

1.1 Kaedah Penilaian

- (1) Sumber dan maklumat pencalonan adalah berdasarkan Scopus.
- (2) Makalah yang telah memenangi anugerah ini tidak layak untuk dipertandingkan lagi.
- (3) Semua penulis bagi makalah yang dipilih sebagai pemenang hanya boleh bertanding semula selepas tiga (3) tahun atas tajuk makalah yang berbeza.

1.2 Kaedah Pemarkahan

Pemarkahan adalah berdasarkan kriteria utama seperti berikut:

- (1) Makalah yang terpilih adalah berdasarkan *Cummulative citation* tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun (2017-2021).

(2) Anugerah hanya akan diberi kepada enam (6) pemenang di mana tiga (3) pemenang daripada bidang Sains & Teknologi dan tiga (3) pemenang daripada bidang Sains Sosial.

(3) Penulis bagi kategori Fakulti adalah bukan anggota mana-mana COE atau hanya associate member manakala penulis bagi kategori COE adalah berdasarkan keahlian penuh (*full member*) individu tersebut di dalam COE.